

NO. SOALAN: 50

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIVARASA A/L K. RASIAH [SUBANG]**

**TARIKH : 20.11.2017**

**SOALAN : 50**

Tuan Sivarasa A/L K. Rasiah [Subang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan setakat akhir bulan September 2017 untuk tahun 2016 dan 2017, berapakah jumlah kertas siasatan baru, tangkapan, nilai rampasan harta dan duit, dan sabitan yang telah dilakukan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Yang Berhormat,

Jumlah Kertas Siasatan yang dibuka oleh SPRM bagi tahun 2016 hingga akhir bulan September 2017 adalah sebanyak 1,741. Nilai harta yang disita adalah sebanyak RM336,675,019.85. Bilangan tangkapan pula adalah sebanyak 1,667 manakala jumlah sabitan adalah sebanyak 337.

Sekian, terima kasih.